

01 DEC 1998

DR MAHATHIR LANCAR PENGHANTARAN PESAWAT SME MD3-160 KE AMERIKA

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan penghantaran pesawat SME MD3-160, pesawat pertama buatan Malaysia, ke Amerika Syarikat.

Upacara itu berlangsung di kawasan SME Aviation, Subang dekat sini.

Pesawat SME MD3-160 juga merupakan pesawat pertama keluaran Asia yang dieksport ke Amerika Syarikat mengikut Perjanjian Keselamatan Penerbangan Dua Hala, mengikut pegawai syarikat pengeluar pesawat itu.

Beliau berkata buat permulaan, dua buah pesawat akan dihantar ke AS yang dijangka membeli lebih 100 pesawat jenis itu dalam tempoh tiga tahun.

Pesawat jenis itu yang dipasarkan dengan nama "Aerotiga" di AS, ialah pesawat dua tempat duduk yang sesuai digunakan untuk penerbangan latihan, riadah dan aerobatik, katanya.

Setibanya pesawat-pesawat itu ke AS, sebuah syarikat kerjasama, SME Aero Inc di Florida yang bertanggungjawab bagi pemasaran dan jualan pesawat jenis itu, akan menghantarnya kepada pelanggan, kata beliau.

Menurutnya kos pesawat itu ialah antara AS\$150,000 dan AS\$200,000 setiap satu (AS\$1=RM3.80).

Pesawat itu juga turut diperakukan oleh Pejabat Persekutuan Penerbangan Switzerland (Foca), Pentadbiran Penerbangan Persekutuan AS (FAA) dan Ketua Pengarah Komunikasi Udara Indonesia (DGAC), katanya.

-- BERNAMA

ARA NMO